

TEKS UCAPAN
KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR UniMAP
BERSEMPENA MINGGU ISLAM HADHARI PERINGKAT UniMAP
PADA 29 MAC 2007 BERTEMPAT DI DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis

Yang Berhormat Dato' Haji Che Sulaiman Shafie, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis

Yang Berhormat Tuan Haji Ismail Osman, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Ahli – Ahli Yang Berhormat.

Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dr. Mohd Asri Zainol Abdin, Mufti Kerajaan Negeri Perlis

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP. Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia serta inayahNya yang berterusan buat hambaNya. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta seluruh ahli keluarga baginda mengizini kita semua pada malam ini sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam majlis ceramah agama sempena minggu Islam Hadhari. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada

seluruh ahli jawatankuasa program termasuklah Kerajaan Negeri Perlis serta Jabatan Agama Islam Negeri Perlis kerana program ini tidak akan tercapai tanpa satu pakatan yang kukuh serta semangat yang jitu dalam merancang setiap gerak geri bagi menjayakannya.

Sidang hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian

Tujuan kita menganjurkan program pada malam ini adalah untuk mengembangkan ilmu di kalangan staf, pelajar UniMAP dan masyarakat Perlis amnya. Kita juga mahu meningkatkan thaqafah dan mahu memahami dengan jelas asas-asas Ad Din yang sudah pasti bermanfaat bagi kita semua. Islam itu syumul maka jadikan yang syumul itu cara hidup yang sebenar-benarnya dan marilah kita berpesa-pesan untuk menuju matlamat akhir kehidupan kita iaitu mendapatkan keredaan Ilahi menerusi cara hidup (addin) yang dilingkari oleh panduan islam.

Hal ini kerana dunia adalah satu perjalanan yang harus dimanfaatkan dalam proses pengabdian manusia kepada Allah SWT dengan menyempurnakan tanggungjawab fardu kifayah secara sempurna, jujur, telus dan amanah. Manusia tidak mungkin berjaya memanfaatkan dunia ini dengan baik jika sikap dan pandangannya terhadap dunia tidak tepat sebagaimana mestinya, kerana alam dan fenomenanya diciptakan dan ditundukkan oleh Allah SWT untuk manusia diturunkan sebagai khalifah. Kerana itu, amatlah penting untuk umat manusia itu diperlengkap dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, supaya membolehkan manusia menguasai dunia.

Di samping itu, penting bagi umat Islam untuk memahami dan menghayati Islam sebagai sistem kehidupan menyeluruh untuk menggerakkan pembinaan satu tamadun. Kehidupan menyeluruh yang bijak mengimbangkan tanggungjawab dunia

dengan tanggungjawab akhirat. Islam bukanlah satu ritual kerana ritualisme memberi tumpuan kepada akhirat semata-mata. Kerajaan juga tidak pernah bersifat sekularisme yang menolak akhirat dan memberi tumpuan kepada dunia semata-mata. Islam mestilah dihayati sebagai sistem yang mengintegrasikan kehidupan duniawi dan persiapan ukhrawi. Allah SWT berfirman,yang bermaksud:

"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".(Surah al-Qasas: Ayat 77)

Sidang hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian

Minggu Islam Hadhari peringkat UniMAP kali ini akan berfokus kepada pengurusan masa kerana masa merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia. Tanpa masa atau waktu kehidupan itu tidak akan lengkap. Masa yang tidak digunakan dengan sebaiknya merupakan kerugian di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT

"Demi Masa, Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, Kecuali orang-orang yang beriman beramal soleh dan mereka yang sentiasa berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran".

Penggunaan masa yang efektif adalah satu perkara yang selalu dibincangkan. Ramai orang menyatakan bahawa masa yang dipunyai oleh mereka adalah tidak mencukupi. Mereka selalunya gagal dalam banyak perkara dan ini merupakan alasan semata-mata. Sebenarnya manusia diperuntukkan masa sebanyak 24 jam

sehari semalam, samada manusia itu berjaya atau tidak berjaya adalah bergantung kepada diri mereka sendiri. Kita lihat tokoh-tokoh yang berjaya dalam bidang masing-masing semuanya adalah manusia biasa yang juga diperuntukkan masa yang sama dengan kita. Tetapi mereka bijak memanfaatkan masa yang diberikan dengan sebaik-baiknya dan beroleh kejayaan. Penggunaan masa yang berkesan merupakan prasyarat utama kepada keupayaan kita untuk membina sebuah tamadun. Jika ummah gagal memanfaatkan masa bagi perkara-perkara yang berfaedah maka hasrat kita untuk mengembalikan kegemilangan tamadun hanyalah bersifat retorik sahaja.

Akhir kalam, Semoga usaha yang kecil ini mendapat keberkatan ilahi dan dengan adanya program sebegini, mudah-mudahan akan terongkailah segala permasalahan yang meragukan hidup kita. Hidup umpama layang-layang, sekiranya terputus talinya maka tiadalah matlamat dan hala tujunya. Kehidupan ini perlu diikat dengan sabitan iman dan ketaqwaan kepada Allah subhanahuwa ta'ala. Sekian